

Soalan-soalan Lazim

1. Apakah itu Lelongan Awam hartanah?

Ia merupakan satu jualan awam hartanah melalui bidaan terbuka dan kompetitif. Hartanah tersebut akan dijual kepada pembida dengan harga bidaan lelongan tertinggi.

2. Kenapa beli hartanah melalui Lelongan Awam?

- a) Pelbagai jenis hartanah-hartanah di pelbagai lokasi-lokasi pilihan di dalam Malaysia;
- b) Lelongan Awam dijalankan secara terbuka dan jelas. Pihak yang membida dengan harga tertinggi akan diumumkan sebagai pembeli hartanah yang berjaya.

3. Apakah yang saya patut lakukan sebelum menyertai Lelongan Awam?

- a) Memeriksa hartanah tersebut secara luaran;
- b) Memohon untuk satu salinan Perisytiharan Jualan berserta dengan Syarat-Syarat Jualan daripada pelelong-pelelong atau peguamcara bank. Perisytiharan Jualan mengandungi maklumat berkaitan hartanah tersebut dan Syarat-Syarat Jualan adalah terma dan syarat jualan tersebut.
- c) Membuat carian relevan dan pertanyaan kepada pemaju, pemilik tanah dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan sebelum tarikh lelongan;
- d) Jika anda mempunyai sebarang keraguan, sila dapatkan nasihat pakar daripada panel ejen hartanah, pelelong dan/atau peguamcara;
- e) Sila semak kelayakan kewangan anda. Hubungi wakil kami di mana-mana cawangan CIMB dan kami akan melakukan yang terbaik untuk membantu keperluan pembiayaan anda.

4. Di manakah lelongan awam akan diadakan?

Lokasi lelongan dinyatakan dalam Perisytiharan Jualan biasanya akan diadakan di Mahkamah Tinggi, Pejabat Tanah, pejabat pelelong dan/atau laman sesawang bidaan, sistem e-lelong Mahkamah Tinggi.

5. Bagaimana jika saya tidak dapat menghadiri Lelongan Awam tersebut?

Jika anda tidak dapat menghadiri lelongan awam tersebut, anda boleh melantik wakil anda menerusi satu surat kuasa.

6. Berapakah masa yang diberikan untuk melengkapkan transaksi tersebut sekiranya saya merupakan pembida berjaya?

Baki harga belian harus dibayar penuh kepada pemegang serah hak/ pembiaya /pemegang gadaian/pemberi pinjaman/pembiayaan dalam masa 90 atau 120 hari daripada tarikh lelongan seperti yang terkandung dalam Syarat-Syarat Jualan.

7. Jika saya memerlukan penerangan lanjut atau ada persoalan lain, siapakah yang boleh saya hubungi?

Anda boleh menghantar emel kepada kami di auctionenquiry@cimb.com atau anda boleh menghubungi kami di talian 03-2635 2088. Anda juga boleh menghubungi pelelong yang dilantik seperti yang terkandung dalam Perisytiharan Jualan.